

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN  
(PADANG BESAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 11.11.2014**

**Y.B. DATO' ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN [ PADANG BESAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menubuhkan Bank Wakaf Malaysia bagi menyokong keperluan kewangan para usahawan Muslim negara ini berlandaskan konsep wakaf membangunkan perniagaan patuh syariah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk menubuhkan sebuah

bank wakaf ataupun mengeluarkan lesen perbankan baharu untuk sebuah institusi wakaf. Tambahan pula, pengurusan dana dan aset wakaf terletak di bawah bidang kuasa negeri-negeri di Malaysia yang juga tertakluk kepada fatwa Majlis Agama Islam setiap negeri dan inisiatif penyelarasan wakaf di peringkat kebangsaan oleh Yayasan Waqaf Malaysia di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Walaupun bagaimanapun, konsep wakaf bukan sesuatu yang asing bagi sektor perbankan Islam. Sebagai contoh, sebuah bank Islam telah pun menawarkan produk wakaf dengan kerjasama Perbadanan Wakaf Selangor bagi mengumpul dan menyalurkan dana wakaf untuk pembangunan prasarana kesihatan dan pendidikan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN  
[ BUKIT KATIL ]**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2014 (SELASA)**

**SOALAN : 35**

**Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [ Bukit Katil ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pendirian Kerajaan mengenai penggunaan paparan jenama syarikat penerbangan di tempat daftar masuk dan di paparan sistem maklumat penerbangan di KLIA 2 serta promosi destinasi penerbangan sesuai dengan kempen tahun melawat Malaysia 2014 memandangkan ianya tidak berlaku di KLIA 2.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua, pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) selaku operator KLIA2 tidak menghalang mana-mana syarikat penerbangan yang ingin memaparkan jenama syarikat penerbangan masing-masing di tempat daftar masuk dan di paparan sistem maklumat penerbangan. Untuk tujuan ini, syarikat-syarikat penerbangan perlu berunding dan berbincang dengan pihak MAHB selaku Pengurus Lapangan Terbang mengenai pilihan yang ada serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan termasuk caj-caj yang dikenakan.